

**Parlimen: Lebih Banyak Dasar Diperkenal Untuk Kawal Harga Rumah - Chor Bernama**  
**25 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memperkenalkan lebih banyak dasar yang bersesuaian sekiranya perlu, untuk mengawal harga rumah agar semua rakyat mampu memiliki rumah sendiri.

Menteri berkenaan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata kerajaan sememangnya sedar mengenai peningkatan harga rumah secara mendadak terutama di kawasan Lembah Klang dan beberapa bandar besar di Johor dan Pulau Pinang.

Beliau berkata faktor-faktor yang menyumbang kepada trend peningkatan ialah wujudnya permintaan dan penawaran pada harga yang tinggi, kos tanah dan harga bahan binaan yang meningkat, serta ketersediaan kemudahan dan perkhidmatan di satu-satu tempat.

"Sebagai kerajaan yang mendahulukan rakyat, pelbagai langkah telah dilakukan bagi memastikan setiap rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki tempat tinggal yang selesa," katanya ketika menjawab soalan Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang) di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Tengku Razaleigh ingin tahu sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar harga rumah yang ditawarkan oleh pemaju kepada rakyat sekitar Lembah Klang dan beberapa bandar lain meningkat secara mendadak akhir-akhir ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697114>